

Sebarakan sunah sahiih, difahami

Pastikan penyampaian selaras dengan kaedah dakwah Baginda

Oleh Hasliza Hassan
hasliza_hassan@bh.com.my

Menghidupkan sunah Rasulullah SAW perlu mengikut sebaiknya contoh teladan yang ditunjukkan Baginda supaya perkara yang dilaksanakan itu diterima sebagai amalan sunah.

Ini termasuk menyampaikan atau berpesan dengan perkara kebaikan seperti yang diperintahkan oleh Baginda SAW dalam sabdanya: Sampaikan dariku walaupun satu ayat. (HR al-Bukhari)

Pensyarah Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohammad Nidzam Abdul Kadir, berkata maksud menyampaikan dalam hadis itu perlu difahami dengan cara sebenar-benarnya.

Pendekatan dakwah pada zaman Rasulullah SAW kepada sahabat dan umat Islam ketika itu dilakukan secara berdepan kepada kumpulan sasar mengikut keperluan mereka.

Katanya, walaupun hadis tidak menjelaskan secara terperinci kaedah menyampaikan itu, namun mengekalkan cara dakwah

seperti dilakukan Rasulullah SAW adalah lebih baik.

"Dulu ilmu disampaikan secara berdepan atau kita pergi mencari guru. Zaman sudah berubah, sekarang guru datang kepada murid. Malah, dengan adanya teknologi pendekatan dakwah juga berbeza.

"Jadi, kita berharap cara menyampaikan perkara baik termasuk menyebarkan ayat al-Quran, hadis dan kata nasihat menerusi medan sosial dan aplikasi lain termasuk sunah kerana hadis tidak menentukan kaedah penyampaian," katanya.

Bagaimanapun, katanya niat mengamalkan sunah berkongsi perkara baik menggunakan apa cara sekali perlu dengan kefahaman yang betul, bukan hanya mengambil maksud asal menyampaikan sahaja.

Oleh itu katanya, sebelum berkongsi atau menyebarkan sesuatu perkara hendaklah terlebih dahulu memastikan kebenarannya seperti hadis yang disampaikan adalah hadis sahiih.

Begitu juga ilmunya, mesti yang tepat kerana memang benar hadis dikongsi itu sahiih tetapi konteks sabitannya mungkin kurang tepat menyebabkan ia tidak difahami mengikut yang sepatutnya.

"Apabila menukulkan sesuatu, pastikan kebenaran dan kesahihannya. Jangan sekadar sebarkan tetapi dia sendiri tidak membacanya apa lagi untuk menyemak ilmu yang hendak disampaikan itu.

"Perlu berhati-hati bimbang kita termasuk dalam kalangan



Mohammad Nidzam Abdul Kadir

orang yang berdusta. Niat ikut sunah ingin menyampaikan tetapi yang disampaikan bukannya kebenaran," katanya.

Mohammad Nidzam turut menyentuh kiriman mesej berantai yang menyuruh penerima menyebarkan kepada beberapa yang lain dan jika tidak, akan berdepan perkara tertentu.

Katanya, ditakuti mesej itu menyebabkan penerima terpengaruh hingga timbul perasaan bimbang yang akhirnya melahirkan keyakinan yang salah.

Justeru, menurut beliau, cara terbaik menyampaikan dakwah adalah secara berdepan supaya ilmunya juga sesuai dengan orang yang kita ingin lawan berbicara itu.

"Jika dia tidak menutup aurat, kita beritahu kepadanya kewajipan menutup aurat. Andai dia tidak solat, jelaskan kewajipan menunaikan solat. Ini yang termasuk dalam sampaikan itu," katanya.

Beliau berkata, penguasaan juga penting supaya dapat menyampai-

kan ilmu itu dengan jelas dan bebas daripada sebarang salah faham atau kekeliruan.

Mohammad Nidzam menasihatkan, untuk mengamalkan sunah Rasulullah SAW biarlah dengan memenuhi syarat iaitu mengetahui ilmu yang disampaikan.

Katanya, jika yang membaca sendiri tidak memahami, bagaimana dia mengharap orang yang disampaikan ilmu itu akan menerima manfaat daripadanya.

"Bukan tidak boleh cara mudah seperti menekan butang hantaran, tetapi pilihlah cara yang lebih selamat kerana itu yang baik.

"Tidak dinafikan ada beranggapan, sekurang-kurangnya saya sudah berkongsi atau sebarakan. Namun ada kala yang kita hantar itu pun tidak dibaca," katanya.

Beliau berkata, kadang-kadang disebabkan terlalu ingin menjaga pemahaman terhadap sesuatu sunnah, ada yang tidak memelihara akhlak, memfitnah dan meremehkan orang lain.

"Solat sunat Dhuha sunah kerana Baginda SAW melakukannya, pakaian tertentu sunah dan makanan tertentu juga sunah. Namun, adakah dengan pakaian itu sudah mengikut sunah? Ini bukan soal pakaian atau makanan tetapi mana yang lebih penting.

"Nabi Muhammad SAW menyebut, sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak. Sunah itu akhlak, maka niat untuk mengamalkan sunah perlu diiringi dengan sikap berhati-hati," katanya.



MENGHARGAI NIKMAT

Sentiasa mensyukuri nikmat Allah SWT dan elakkan suka membandingkan diri kerana setiap kita sudah ditentukan rezeki masing-masing. Berusaha dan hargai rezeki yang diterima.

Rasulullah SAW bersabda: Lihatlah kepada orang yang lebih bawah daripada kamu, dan janganlah kamu melihat orang yang lebih tinggi daripada kamu; ia lebih wajar agar kamu tidak memperkecilkan nikmat Allah. (HR Muslim)

Dengan Kerjasama

